

## MEMAHAMI I'JAZ AL-QUR'AN DAN PENGUKUHAN MESEJ DAKWAH

## UNDERSTANDING I'JAZ AL-QURAN AND STRENGTHENING THE MESSAGE OF DAKWAH

فهم إعجاز القرآن و تعزيز رسالة الدعوة

**Prof Madya Dr Mohd Sukki Bin Othman**

Universiti Putra Malaysia

[msukki@upm.edu.my](mailto:msukki@upm.edu.my)

### ABSTRAK:

Al-Quran merupakan mukjizat terbesar bagi junjungan besar nabi Muhammad SAW. Al-Qur'an terbina daripada ayat-ayatnya yang saling menguatkan, perkataannya yang terperinci, *balaghahnya* yang tidak dapat ditandingi oleh akal manusia, kefasihannya dengan semua ungkapan manusia, mukjizatnya yang sempurna, ungkapan penjelasannya yang indah, lafaznya yang sesuai dengan setiap keadaan masa serta sifat-sifat lain yang menunjukkan kesempurnaan al-Qur'an. Objektif artikel ini ialah mengenal pasti i'jaz al-Quran dari sudut maksud dan kategorinya yang perlu difahami. Seterusnya ia mengetengahkan mengenai peranan memahami i'jaz al-Quran dalam menyampaikan serta mengukuhkan mesej dakwah dengan lebih berkesan. Kajian dalam artikel ini secara amnya merujuk kepada penyelidikan perpustakaan. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini melibatkan pengumpulan dan analisis data. Dapatkan kajian dalam artikel ini menunjukkan bahawa memahami i'jaz al-Quran dapat membantu ke arah mengukuhkan mesej dakwah dengan lebih berkesan dalam masyarakat.

**Kata Kunci:** al-Quran, dakwah, mukjizat

### ABSTRACT:

The Qur'an is the greatest miracle to Prophet Muhammad SAW. The Qur'an is constructed of its mutually reinforcing verses, its detailed words, its inimitable Balaghah by the human intellect, its eloquence with all human expressions, its perfect miracles, its beautiful explanatory expressions, its utterances appropriate to every situation and time, as well as other attributes that indicate the perfection of the Qur'an. The objective of this article is to identify the i'jaz of the Quran in terms of meanings and categories that need to be understood. Next, it highlights the role of understanding the i'jaz of the Quran in conveying and strengthening the message of da'wah more effectively. The study in this article generally refers to library research. The methodology used in this study involves data collection and analysis. The findings of the study in this article show that understanding the i'jaz of the Quran can help towards strengthening the message of da'wah more effectively in society.

**Keywords:** Quran, da'wah, miracles

### الملخص:

يعتبر القرآن الكريم أعظم معجزة للنبي صلى الله عليه وسلم. ويكون القرآن من آياته التي تقوى بعضها البعض، ومن كلماته التفصيلية ، وبلامته التي لا يضاهي بها عقل الإنسان ، وبلامته بكل التعبيرات البشرية ، وإعجازه التام ، وتعبيراته الجميلة ، وكلماته المناسبة. وكل هذا يدل على كمالات القرآن. المهدف من هذه المقالة هو التعرف على إعجاز القرآن من وجهة نظر معناه والتقطيع الذي يجب فهمه . وبعد ذلك يسلط الضوء

على دور فهم إعجاز القرآن في إيصال رسالة الدعوة وتعزيزها بشكل أكثر فعالية. تشير الدراسة في هذه المقالة بشكل عام إلى البحث المكتبي. تتضمن

المنهجية المستخدمة في هذه الدراسة جمع البيانات وتحليلها. تظهر نتائج الدراسة في هذه المقالة أن فهم إعجاز القرآن يساعد في تعزيز رسالة الدعوة بشكل أكثر فعالية في المجتمع.

**كلمات مفتاحية:** القرآن ، الدعوة ، الإعجاز

## PENDAHULUAN

Al-Qur'an merupakan kalam Allah yang mengandungi i'jaz yang diturunkan kepada junjungan nabi Muhammad SAW. Al-Qur'an telah mencabar golongan musyrikin dan golongan yang ingkar untuk mendatangkan ayat atau surah seumpama al-Qur'an. Namun, mereka tidak mampu untuk menyahut cabaran tersebut. Ketidak-mampuan dan kelemahan yang wujud pada golongan musyrikin dalam menyahut cabaran al-Qur'an dengan jelas menzahirkan elemen i'jaz yang wujud pada al-Qur'an<sup>1</sup>.

Golongan orientalis barat seperti Carlyle<sup>2</sup> menyatakan bahawa komposisi al-Quran menjemukan dan Nicholson<sup>3</sup> pula mengatakan bahawa kebanyakan pembaca al-Quran di Eropah mendapati al-Quran membosankan dan tidak menarik. Mereka juga mengatakan al-Quran sebagai bacaan yang berat dan sukar, menjemukan, membosankan, bercampur aduk serta mengelirukan, tidak mempunyai keutuhan idea dan fikiran dan himpunannya berkecamuk. Dakwaan mereka yang tidak berasas itu telah ada jawapannya di dalam al-Quran melalui hujah-hujah yang mencabar golongan musyrikin untuk mengadakan satu ayat seumpama al-Quran. Namun ternyata, mereka amat lemah apabila berhadapan dengan cabaran al-Quran tersebut.

Sebagaimana yang dimaklumi bahawa bangsa Arab ketika turunnya al-Qur'an merupakan umat yang mempunyai kehebatan dan ketinggian dari sudut bahasa dan sastera. Namun begitu, mereka 'lemah' apabila berhadapan dengan al-Qur'an. Oleh yang demikian mereka tidak mampu menyahut cabaran al-Qur'an untuk mendatangkan ayat seumpamanya. Firman Allah:

أَمْ يَقُولُونَ تَقْوَاهُ، بَلْ لَا يُؤْمِنُونَ (٣٣) فَلَيَأْتُوا بِحَدِيثٍ مِّثْلِهِ إِنْ كَانُوا صَادِقِينَ (٤)

<sup>1</sup> al-Khalidiy, Salah `Abd al-Fattah (1992), *al-Bayan fi I'jaz al-Qur'an*, . Jordan : Dar `Ammar, h. 5.

<sup>2</sup> Carlyle, T. (1971). *On Heroes, Hero-Worship and The Heroic in History*. Lincoln, Nebraska: University of Nebraska Press.

<sup>3</sup> Nicholson R. A. (1969). *A Literary History of the Arabs*. London: Cambridge University Press.

Maksudnya: (Bukan sahaja mereka ingkar dan degil) bahkan mereka berkata: "Dia (Muhammad) telah mereka-reka al-Qur'ān itu". (Tuduhan mereka yang demikian tidak berasas) bahkan mereka sengaja tidak mahu beriman. (Kalau tidak) maka hendaklah mereka membuat dan mendatangkan kata-kata (yang fasih dan indah) seperti al-Qur'ān itu, jika betul mereka orang yang benar dakwaannya<sup>4</sup>.

Dalam ayat ini, golongan musyrikin telah dicabar untuk mengemukakan kata-kata yang indah dan fasih yang dapat menandingi al-Qur'ān. Mereka dicabar untuk segera mendatangkan ayat seumpama al-Qur'ān sekiranya mereka berkemampuan. Seterusnya, al-Qur'ān mencabar mereka untuk mendatangkan pula sepuluh surah seumpama al-Qur'ān, sebagaimana firman Allah:

أَمْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ قُلْ فَإِنْ تُوْ بِعَشْرِ سُورٍ مِّثْلِهِ مُفْتَرِبٌ وَادْعُوا مِنْ أَسْتَطَعْتُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَدِيقِي (١٣) فَإِنَّمَا يَسْتَحِيُّوْ لَكُمْ فَاعْمَلُوْا  
أَمَّا أُنْزَلَ عِلْمٌ اللَّهُ وَأَنَّ لَآ إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَهَلْ أَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ (٤)

Surah Hud (11) : 13-14

Maksudnya:

Bukan itu sahaja kata-kata mereka bahkan mereka menuduh dengan mengatakan: "Dia (Muhammad) yang mereka-reka al-Qur'ān itu! " Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Jika demikian tuduhan kamu), maka cubalah buat serta datangkan sepuluh surah rekaan yang sebanding dengan al-Qur'ān itu, dan ajaklah siapa sahaja yang kamu sanggup mengajaknya, yang lain daripada Allah, jika betul kamu orang yang benar". Oleh itu, jika mereka (penolong-penolong kamu) tidak dapat melaksanakan permintaan kamu (untuk membuat surah-surah yang sebanding dengan al-Qur'ān), maka ketahuilah bahawa al-Qur'ān itu diturunkan hanyalah menurut pengetahuan Allah, dan bahawa tidak ada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah. setelah (terbukti hakikat yang demikian) maka adakah kamu mengakui Islam dan menurut aturannya?

Dalam ayat ini, Allah SWT bukan sekadar mencabar golongan musyrikin untuk mendatangkan surah seperti al-Qur'ān, akan tetapi mereka juga diberi peluang untuk mengajak sesiapa sahaja untuk membantu mereka selain daripada Allah. Namun, mereka tetap lemah dan tidak berupaya untuk menyahut cabaran al-Qur'ān. Seterusnya apabila mereka tidak berkemampuan untuk mendatangkan sepuluh surah seumpama al-Qur'ān, mereka dicabar dengan sesuatu yang lebih mudah iaitu mendatangkan satu surah seumpama al-Qur'ān. Firman Allah SWT:

---

<sup>4</sup> Semua terjemahan ayat al-Quran dalam tulisan ini adalah berdasarkan karya Abdullah Basmeih, 1987, *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*, Kuala Lumpur, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, ed. dua belas

وَإِن كُنْتُمْ فِي رَبِّيْبٍ مَّا تَرَكْلَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأُتْهُو بِسُورَةٍ مِّنْ مَّثْلِهِ وَأَذْعُو شُهَدَاءَكُمْ مِنْ دُونَ اللَّهِ إِن كُنْتُمْ صَدِيقِنَ (٢٣) فَإِن لَمْ تَقْعُلُوا وَلَنْ تَقْعُلُوا  
فَأَتَتُهُمُ الْنَّارُ أُلَيْ وَفُودُهَا النَّاسُ وَالْجِنَّاْرُ أُعِدَّتْ لِلْكُفَّارِينَ (٢٤)

Surah al-Baqarah (2) : 23-24

Maksudnya:

Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (Al-Qur'an) kepada hamba Kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Qur'an itu, dan panggillah orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain daripada Allah, jika betul kamu orang yang benar. Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu daripada api neraka yang bahan-bahan bakarannya terdiri daripada manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang kafir.

Dalam ayat ini, sekali lagi mereka dicabar oleh al-Qur'an untuk mengadakan surah seumpama al-Qur'an, namun mereka tetap lemah dan tidak berupaya. Justeru, Allah menegaskan bahawa kelemahan mereka untuk menyahut cabaran al-Qur'an itu akan berlaku untuk selama-lamanya melalui firman-Nya (ولن) (تقطعوا) yang membawa maksud: "Selamanya kamu tidak mampu untuk membuatnya". Dalam ayat yang lain, Allah berfirman:

أَنْ يَقُولُونَ افْتَرَاهُ قُلْ فَأُتْهُو بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ وَأَذْعُو مِنْ أَسْتَطِعْمُ مِنْ دُونَ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَدِيقِنَ (٣٨)

Surah Yunus (10) : 38

Maksudnya:

(Orang kafir tidak mengakui hakikat yang demikian itu) bahkan mereka mengatakan: "Dialah (Muhammad) yang mengada-adakan al-Qur'an menurut rekaannya". Katakanlah (wahai Muhammad): "Kalau demikian, datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Qur'an itu, dan ajaklah sesiapa sahaja yang kamu dapat mengajaknya, yang lain daripada Allah (untuk membantu kamu), jika betul kamu orang yang benar!".

Berdasarkan ayat-ayat al-Qur'an di atas, ia menjadi bukti yang kukuh bahawa al-Qur'an mengandungi *i'jaz* menyebabkan golongan yang ingkar terhadap al-Qur'an tidak mampu untuk menyahut cabaran yang dikemukakan olehnya. Para ulama' telah berijmak bahawa al-Qur'an mengandungi *i'jaz* dari sudut 'al-bayān'<sup>5</sup>, 'al- balāghah'<sup>6</sup> dan 'al-uslub'<sup>7</sup>. Mereka juga bersepakat bahawa 'al-*i'jaz* al-bayāniy

<sup>5</sup> Ungkapan sesuatu makna dengan pelbagai cara yang sesuai dengan konteks ayat.

<sup>6</sup> Penampilan makna yang menarik melalui ungkapan yang tepat di samping memberi kesan yang mendalam serta bersesuaian dengan makna.

<sup>7</sup> Laras bahasa; cara mengucapkan kata-kata dan meluahkan perasaan.

<sup>8</sup> merupakan i'jāz yang paling jelas dan nyata dalam al-Qur'ān sekaligus membuktikan bahawa al-Qur'ān itu merupakan *kalam* Allah<sup>9</sup>.

Keistimewaan gaya bahasa al-Qur'ān adalah susunan ayatnya yang sangat serasi, penggunaan perkataan yang saling berpadu, jelas dan mengandungi *al-balāghah* yang tinggi di luar kemampuan bangsa Arab. Terdapat banyak karya sastera yang bermutu tinggi, tetapi tidak ada satu pun yang mampu menandingi al-Qur'ān kerana ia merupakan *kalam* yang sempurna dan tidak mengandungi sebarang kekurangan<sup>10</sup>.

Firman Allah SWT:

لَا يَأْتِيهِ أَبْطَلُ مِنْ يَنْ يَدْهُ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ تَرِيلٌ مِنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ

Surah Fussilat (41) : 42

Maksudnya:

Yang tidak dapat didatangi sebarang kepalsuan dari mana-mana arah dan seginya;  
ia diturunkan dari Tuhan Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Terpuji.

Al-Qur'ān terbina daripada ayat-ayatnya yang saling menguatkan, perkataannya yang terperinci, balaghahnya yang tidak dapat ditandingi oleh akal manusia, kefasihannya dengan semua ungkapan manusia, mukjizatnya yang sempurna, ungkapan penjelasannya yang indah, lafaznya yang sesuai dengan setiap keadaan masa serta sifat-sifat lain yang menunjukkan kesempurnaan al-Qur'ān. Kelebihan-kelebihan ini menjadikan orang yang ingkar tidak mampu menentang al-Qur'ān<sup>11</sup>.

Firman Allah SWT:

فُلَّيْنِ اجْتَمَعَتِ الْإِسْرَائِيلُ وَالْجِنُّ عَلَى أَنْ يَأْتُو بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْءَانِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ وَلَوْ كَانَ بِعُصُمِنْ لِيَغْضِبُ طَهِيرٌ

Surah al-Isra' (17) : 88

Maksudnya:

Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Qur'ān ini, mereka tidak akan dapat

<sup>8</sup> I'jāz dari sudut bahasa dan kesusasteraan.

<sup>9</sup> al-Khalidiy, Salah `Abd al-Fattah (1992), h. 7 & al-Hanawiy (1984), *Dirasat Hawla al-Ijāz al-Bayanīy fi al-Qur'ān*. Kaherah: Dar al-Tiba`ah al-Muhammadiyyah, h. 79.

<sup>10</sup> al-Malikiy, Sayyid Muhammad `Alwi (2010), *Keistimewaan-Keistimewaan al-Qur'ān*, Nur Faizin, S. Ag (terj.). Indonesia : Pustaka Yogyakarta, h. 10-11.

<sup>11</sup> *Ibid*, h. 11.

membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri".

Sehubungan dengan itu, memahami i'jaz al-Quran dapat membantu mengukuhkan mesej dakwah yang hendak disampaikan di dalam masyarakat. Hal ini kerana i'jaz al-Quran mengandungi elemen bahasa, pemikiran dan sebagainya yang dapat digunakan bagi menggerakkan pemikiran golongan sasar yang disampaikan dakwah kepada mereka agar mereka menggunakan akal dan pemikiran dengan cara yang betul. Di samping itu, dimensi dakwah melalui pemahaman i'jaz ialah dapat mematahkan hujah para penentang dengan begitu mudah dan efektif.

Untuk mendalami maksud al-i'jāz dengan lebih mendalam, ia boleh dilihat dari sudut definisi bahasa mahu pun istilah.

### **TAKRIF AL-I'JĀZ DARI SUDUT BAHASA DAN ISTILAH**

Perkataan al-i'jāz (الإعْجَاز) ialah *masdar*<sup>12</sup> daripada perkataan (أَعْجَز). Perkataan merupakan kata kerja transitif yang memberi maksud melemahkan. Pecahannya seperti berikut : (أَعْجَزَ – بُنِيَّجَزَ – إِعْجَازٌ). Perkataan asal atau kata akar bagi (أَعْجَز) ialah (عَجَزٌ), iaitu dibaca seperti berikut: عَجَزٌ-بِعَجَزٍ-عَجَزٌ، فَهُوَ عَاجِزٌ. Untuk mendalami maksud perkataan al-i'jāz (الإعْجَاز), hendaklah diteliti makna daripada kata akarnya iaitu 'ajaza (عَجَز).

Ibn Faris menyatakan bahawa 'ajaza membawa maksud lemah<sup>13</sup>. Manakala al-Zamakhshari dalam 'Asas al-Balāghah' juga menyatakan bahawa 'ajaza membawa maksud lemah. Beliau membawakan contoh dalam bentuk ayat iaitu: (عَجَزَ فُلَانٌ عَنِ الْعَمَلِ إِذَا كَبَرَ) yang bermaksud: 'Fulan menjadi lemah untuk bekerja apabila semakin meningkat usia'<sup>14</sup>.

Ibn Manzur melalui kitabnya yang tersohor iaitu 'Lisan al-'Arab' telah berbincang panjang mengenai erti perkataan 'ajaza ini. Beliau membawakan contoh ayat bagi menerangkan maksud perkataan, antaranya ialah (عَجَزٌ عَنِ الْأَمْرِ، فَهُوَ عَاجِزٌ) yang bermaksud 'ia lemah dalam masalah ini, maka dia seorang yang lemah'. Justeru, bermaksud (الضَّعْفُ) (العَجَزُ) iaitu lemah. Ia juga bermaksud 'sesuatu yang terkebelakang'. Contohnya ialah seorang yang tua, sudah tentu ia terkebelakang, lambat dan lemah dalam melakukan apa jua perkara<sup>15</sup>.

<sup>12</sup> Kata terbitan

<sup>13</sup> Ibn Faris (1979), *Mujam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr, h. 232-234.

<sup>14</sup> al-Zamakhshariy (1992), *Asas al-Balāghah*. Beirut : Dar al-Nafa'is, h. 409-410.

<sup>15</sup> Ibn Manzur (1996), *Lisan al-'Arab*, j. 9. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 57-60.

Al-Raghib al-Asfahaniy menyatakan bahawa (عَجْزٌ إِلَيْهَا نَسَانٌ) ialah merujuk kepada belakang manusia. Oleh yang demikian (العَجْزُ) pada asalnya bermaksud terkebelakang dalam sesuatu perkara. Ia juga memberi maksud sesuatu yang berlawanan dengan kudrat<sup>16</sup>.

Begitu juga al-Fayruzabadiy dalam ‘*al-Qamus al-Muhit*’ menyatakan bahawa maksud (العَجْزُ) ialah ‘belakang sesuatu’. Ia juga bermaksud ‘lemah’<sup>17</sup>. Oleh yang demikian asal makna ‘ajaza atau *al-`ajz* merujuk kepada maksud ‘belakang sesuatu’ yang terhasil daripadanya sifat yang berlawanan dengan kudrat iaitu lemah dan tidak bermaya.

Daripada perbincangan maksud perkataan ‘ajaza (عَجَزَ)، dapatlah difahami dengan lebih jelas maksud perkataan *al-i`jaz* (إِلَعْجَازٍ) yang merupakan perkataan *masdar* daripada kata kerja transitif (أَعْجَزَ) yang boleh diertikan sebagai ’melemahkan’.

Justeru, dapat difahami bahawa perkataan *al-i`jaz* (إِلَعْجَازٍ) dari sudut bahasanya merujuk kepada makna melemahkan dan ia juga merujuk kepada pemenang yang berjaya menewaskan lawannya yang mampu menjadikan lawannya lemah dan tidak berdaya untuk mengatasinya<sup>18</sup>.

Untuk mengetahui dengan lebih terperinci, pemahaman perkataan ini hendaklah juga dirujuk dari sudut istilahnya. Dari sudut terminologi, *i`jaz* boleh difahami dari tahap kedudukannya yang tinggi yang diletakkan oleh al-Qur’ān sendiri sehingga melemahkan kebolehan dan kemampuan manusia untuk mengemukakan sesuatu yang sebandingnya, sama ada nilai ketinggian tersebut dari sudut balaghah atau pensyariatan atau perkara-perkara ghaib<sup>19</sup>.

Al-Suyutiyy melalui kitab ‘*al-Itqan*’ telah menyatakan bahawa *al-i`jaz* dalam pemahaman syara’ ialah kejadian yang melampaui batas kebiasaan, didahului oleh tentangan tanpa ada tandingannya<sup>20</sup>. Manakala Ibn Khaldun dalam ‘*al-Muqaddimah*’ telah menyatakan bahawa *al-i`jaz* adalah perbuatan yang tidak mampu ditiru dan dilakukan oleh manusia<sup>21</sup>.

Abu al-Baqā’ pula telah menyatakan bahawa maksud *al-i`jaz* ialah ‘ketinggian dalam balaghah sehingga mengatasi kemampuan manusia serta melemahkan mereka’<sup>22</sup>. Al-Jurjaniy pula menyatakan bahawa

<sup>16</sup> al-Raghib al-Asfahaniy (1992), *Mufradat Alfaz al-Qur’ān*. Damsyik: Dar al-Qalam, h. 547-548.

<sup>17</sup> al-Fayruzabadiy (1991), *al-Qamus al-Muhit*, j. 2. Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-`Arabiyy, h. 259-260.

<sup>18</sup> al-Khalidiy, Salah `Abd al-Fattah (2000), *I`jaz al-Qur’ān al-Bayaniy wa Dalail Masdarīhi al-Rabbāniy*, Jordan: Dar `Ammar, h. 15.

<sup>19</sup> al-Butiy, Muhammad Sa`id (1996), *Min Rawa'i` al-Qur’ān*. Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 125

<sup>20</sup> al-Suyutiyy (t.t), *al-Itqan fi `Ulum al-Qur’ān*, j. 2. Kaherah: Maktabah wa Matba`ah al-Mashhad al-Husayniy, h. 116.

<sup>21</sup> Ibn Khaldun, `Abd al-Rahman Bin Muhammad (1995), *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Maktabah al-`Asriyyah, h. 91.

<sup>22</sup> Abu al-Baqā’ (1998), *al-Kulliyat*. Beirut: Muassasah al-Risalah, h. 149.

ia bermaksud ‘menyampaikan makna dengan cara yang berkesan tanpa dapat ditandingi dengan apa cara sekalipun’<sup>23</sup>.

Takrif dan definisi yang telah diberikan oleh Abu al-Baqa’ dan al-Jurjaniy tidaklah berbeza dengan pandangan ulama’ yang lain iaitu mereka bersepakat bahawa i`jāz al-Qur’ān adalah merujuk kepada kelemahan manusia untuk mendatangkan sesuatu yang seumpama al-Qur’ān, sama ada dari sudut balaghah mahu pun isi kandungannya. Walaupun ijma’ dalam kalangan ulama’ menyatakan bahawa i`jāz yang mencabar manusia untuk mendatangkan ayat seumpama al-Qur’ān ialah dari sudut perkataan dan balaghahnya sahaja kerana unsur balaghah wujud pada setiap ayat, namun begitu tidak dapat dinafikan juga bahawa isi kandungan dan topik yang terkandung di dalam al-Qur’ān juga merupakan i`jāz walau ia tidak melibatkan semua ayat al-Qur’ān<sup>24</sup>.

Manna` al-Qattan pula telah menyatakan bahawa al-i`jāz ialah menzhirkan kebenaran pengutusan nabi SAW dan kelemahan orang Arab serta generasi selepasnya untuk menolak al-Qur’ān dengan membawakan suatu ayat yang seumpama dengannya<sup>25</sup>.

Al-Sabuniy ketika membahaskan isu al-i`jāz ini telah menyatakan bahawa ia menzhirkan kelemahan manusia untuk mendatangkan ayat al-Qur’ān, sekaligus ia bertujuan menzhirkan kebenaran al-Qur’ān dan kebenaran nabi Muhammad SAW<sup>26</sup>.

Kesimpulan daripada perbincangan para ulama’ mengenai al-i`jāz dari sudut istilah, didapati bahawa maknanya di sisi jumhur ulama’ ialah al-Qur’ān mempunyai nilai ketinggian yang tidak mampu ditandingi oleh sesiapa pun jua. Justeru, manusia lemah dan tidak berkemampuan untuk mendatangkan walau satu ayat seumpama al-Qur’ān. Ketinggian al-Qur’ān wujud pada bahasanya, isi kandungannya dan syariat yang terdapat padanya.

## KATEGORI AL-I`JĀZ

Para ulama’ berbeza pendapat dalam menentukan kategori al-i`jāz. Terdapat sebahagian daripada mereka menyatakan bahawa i`jāz al-Qur’ān hanya mempunyai satu kategori sahaja iaitu i`jāz dari sudut bahasa dan balaghah atau dikenali sebagai ‘*al-i`jāz al-bayāniy*’. Hujahnya ialah semasa penurunan al-Qur’ān, Allah telah mencabar golongan yang ingkar untuk mendatangkan suatu ayat yang mempunyai ketinggian bahasa dan balaghah seumpama al-Qur’ān. Manakala majoriti ulama’ pula berpendapat bahawa al-i`jāz mempunyai

<sup>23</sup> al-Jurjaniy (1987), *al-Ta`rifat*. Beirut: `Alam al-Kutub, h. 54.

<sup>24</sup> al-`Umari, Khalid `Ali Hasan, (1999), *I`jāz al-Qur’ān al-Tay. Tesis M.A Universiti Alil Bayt, Jordan, h. 12.*

<sup>25</sup> al-Qattan, Manna` (1992), h. 265.

<sup>26</sup> al-Sabuniy, Muhammad `Ali (1985), h. 93.

pelbagai kategori seperti *bayāniy*, *ghaybiy*, *ilmiy*, *tashri`iy*, *nafsiy* dan lain-lain<sup>27</sup>. Walau bagaimanapun, golongan yang menyatakan bahawa al-Qur'an mempunyai pelbagai kategori i`jaz bersetuju bahawa 'al-i`jaz al-bayāniy' merupakan kategori i`jaz yang paling penting<sup>28</sup>.

Dalam hal ini, Abul Hasan al-Nadwi telah menyatakan bahawa "telah diketahui al-Qur'an bukan sahaja mempunyai i`jaz dari sudut lafaz, frasa, fasahah bahasa dan balāghah semata-mata. Bahkan, al-Qur'an mengandungi i`jaz dari sudut lafaz, perbendaharaan kata, frasa, makna, isi kandungan, ilmu dan pengetahuan, perkara-perkara ghaib, pendidikan agama, akhlak dan kemasyarakatan serta berita-berita yang disampaikan<sup>29</sup>. Sesungguhnya elemen i`jaz bukan sahaja terdapat pada lafaz, fasahah, balāghah dan susunan ayat al-Qur'an itu sahaja, tetapi ia menjangkaui elemen-elemen yang lain yang menarik perhatian dan memberikan kesan mendalam terhadap manusia pada setiap zaman dan tempat<sup>30</sup>.

Daripada perbincangan di atas, al-i`jaz dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu i`jaz dari sudut lafaz dan i`jaz dari sudut isi kandungan. Kategori i`jaz yang berkaitan dengan lafaz adalah *al-i`jaz al-bayāniy*, manakala yang berkaitan dengan isi kandungan ialah *tashri`iy*, *ghaybiy*, *ilmiy* dan *nafsiy*. *al-I`jaz al-bayāniy* ialah i`jaz dari sudut ketinggian bahasa dan balāghah di dalam al-Qur'an.

*Al-I`jaz al-Tashri`iy* pula ialah i`jaz dari sudut ketinggian dan kesempurnaan syariat al-Qur'an yang dapat mengatasi segala syariat dan perundungan manusia<sup>31</sup>. *Al-I`jaz al-Tashri`iy* menjadi bukti bahawa al-Qur'an itu merupakan *kalam* Allah yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW untuk mengeluarkan manusia daripada kegelapan kesesatan dan kesengsaraan kepada cahaya iman, hidayah dan berpegang teguh kepada agama Allah<sup>32</sup>. Oleh yang demikian, *al-i`jaz al-tashri`iy* mempunyai bidang yang luas, mencakupi apa-apa sahaja yang disyariatkan oleh Allah kepada para hamba-Nya, sebagaimana firman Allah:

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكُمْ كِتَاباً مُّصَدَّقاً لِمَا بَيْنَ يَدِيهِ مِنَ الْكِتَابِ وَمُهَمِّمَنَا عَلَيْهِ فَآتَحُكُمْ بِمِنْهُمْ إِنَّا أَنْزَلَ اللَّهُ عَزَّ ذِلْكَ وَلَا تَتَبَعَ أَهْوَاءَهُمْ عَمَّا جَاءَكُمْ مِّنَ الْحُقْقَةِ  
لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَا أَجَأَهُ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ بَعَلَمُكُمْ أُمَّةٌ وَجَاهَهُ وَلَكِنْ لَيْسُوا بِكُلِّ أُخْرَى إِنَّ اللَّهَ مَرْجِعُكُمْ جَمِيعًا فَيَنْبَغِي  
إِنَّا كُنَّا فِيهِ مُحَكِّمُونَ (٤٨)

Surah al-Ma'idah (5) : 48

<sup>27</sup> `Abbas, Fadl Hasan (2001), *I`jaz al-Qur'an al-Karim*. Amman: Dar al-Furqan, h. 29 & al-Khalidiy (1992), *op.cit*, h. 135.

<sup>28</sup> `Abbas, Fadl Hasan (2001), *ibid*.

<sup>29</sup> al-Nadwi, Abu al-Hasan (1986), *al-Madkhāl ila al-Dirasat al-Qur'āniyyah*. Beirut: Dar al-Sahwah, h. 34.

<sup>30</sup> Mahmud Sayid `Ali Shaqir (1988), *Ma`a al-Amthāl al-Qur'āniyyah*. Kaherah: al-Muassasah al-`Arabiyyah al-Hadithah, h. 22.

<sup>31</sup> Fathi Ridwan (t.t), *Min Falsafah al-Tashri` al-Islamiy*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani, h. 8.

<sup>32</sup> Mustafa Muslim (2005), *Mabahith fi I`jaz al-Qur'an*. Damsyik : Dar al-Qalam, h. 258.

Maksudnya:

Bagi tiap-tiap umat yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan agama (yang wajib diikuti oleh masing-masing).

Terdapat tiga bidang *i`jāz tashri`iy* di dalam al-Qur`ān iaitu aqidah, syariat dan akhlak<sup>33</sup>. Al-Qur`ān telah membawakan bentuk aqidah yang mudah dan jelas serta bersesuaian dengan fitrah. Manakala dari sudut syariat pula, elemen *i`jāz* datang dalam pelbagai bidang seperti al-`ibadat<sup>34</sup>, al-mu`amalat<sup>35</sup>, sistem kekeluargaan<sup>36</sup>, undang-undang jenayah<sup>37</sup>, perundangan antarabangsa dan lain-lain<sup>38</sup>. Syariat Islam membawa manusia ke arah kebaikan di dunia dan di akhirat dan ia bersifat syumul dan lengkap dalam segenap bidang kehidupan. Firman Allah:

حُمِّتْ عَلَيْكُمُ الْمِيَةَ وَاللَّهُمَّ وَلَئِنْ أَخْتَرِي وَمَا أَهْلَ لِعَيْرِ اللَّهِ بِهِ وَالْمُنْحِقَةُ وَالْمُوْفَدَةُ وَالْمَرَدَبَةُ وَالنَّطِيْحَةُ وَمَا أَكَلَ أَسْبَعَ إِلَّا مَا دَكَيْتُمْ وَمَا دُبِحَ عَلَى  
الْأُنْصَبِ وَأَنْ تَسْتَفِسِمُوا يَا أَرَلَمْ دَلِكُمْ فِسْقٌ هُلْيُومْ يَسِّسَ الْدِينَ كَفُرُوا مِنْ دِينِكُمْ فَلَا تَحْشُدُوهُمْ وَآخْتَرُونَ هُلْيُومْ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينِكُمْ وَأَنْمَتُ عَلَيْكُمْ  
يَعْمَتِ وَرَضِيَتِ لَكُمُ الْإِسْلَمَ دِينًا هُفْنَ أَصْطَرَ فِي مُحْمَصَةِ عَيْرِ مُتَجَانِفِ لِإِلَمْ هُفَانَ اللَّهُ عَمُورَ رَحِيمٌ (۳)

Surah al-Ma`idah (5) : 3

Maksudnya:

.... Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redakan Islam itu menjadi agama untuk kamu.

*Al-I`jāz al-Ghaibiy* pula ialah *i`jāz* yang mengandungi perkara-perkara ghaib. Para ulama' telah membahagikan perkara ghaib kepada tiga jenis iaitu perkhabaran al-Qur`ān mengenai umat terdahulu<sup>39</sup> (yang dikenali sebagai *al-i`jāz al-tarikhīy* di sisi sebahagian ulama'), perkhabaran ghaib berbentuk semasa seperti kewujudan malaikat, jin, syaitan dan sebagainya<sup>40</sup>, dan perkhabaran ghaib mengenai sesuatu yang akan berlaku pada masa hadapan<sup>41</sup>. Firman Allah:

تَلْكَ مِنْ أَنْبَاءُ الْعَيْبِ نُوحِيَهَا إِلَيْنَا مَا كُنَّتْ تَعْلَمُهَا أَنْتَ وَلَا قَوْمُكَ مِنْ قَبْلِ هَذَا فَاصِرٌ إِنَّ الْعُقَيْبَةَ لِمُتَقَبِّلِ (۴۹)

Surah Hud (11) : 49

<sup>33</sup> *Ibid*, h. 233.

<sup>34</sup> Bersuci, solat, zakat dan haji.

<sup>35</sup> Sistem jual-beli, sewaan, gadaian, hutang dan lain-lain.

<sup>36</sup> Persoalan nikah cerai

<sup>37</sup> Seperti qisas dan hudud

<sup>38</sup> Abbas, Fadl Hasan (2001), h. 295-296.

<sup>39</sup> *Ibid*, h. 329.

<sup>40</sup> al-Khalidiy (1992), h. 234.

<sup>41</sup> al-Butiy, Muhammad Sa`id (1996), h. 148.

Maksudnya:

(Kisah nabi Nuh) itu adalah dari perkara-perkara ghaib yang Kami wahyukan kepadamu (wahai Muhammad), yang engkau dan kaum engkau tidak mengetahuinya sebelum ini. Oleh itu, bersabarlah, sesungguhnya kesudahan yang baik (yang membawa kejayaan di dunia dan kebahagiaan di akhirat) adalah bagi orang yang bertaqwa.

Kategori *i'jaz* seterusnya ialah *al-i'jaz al-'ilmiy*. Ia merupakan sesuatu fakta daripada al-Qur'an yang hanya dapat dibuktikan melalui kajian saintifik pada zaman kini. Oleh itu, ia menzhirkkan kebenaran nabi SAW yang menyampaikan wahyu daripada Allah<sup>42</sup>. Pada zaman sains dan teknologi, al-Qur'an tetap unggul menampilkan elemen *i'jaz* yang terdapat di dalamnya apabila kajian-kajian moden dapat membuktikan kebenaran isi kandungan al-Qur'an. Oleh yang demikian, Allah menganjurkan kepada manusia agar berfikir dan membuat kajian terhadap ciptaan Allah yang hebat. Firman Allah:

أَوْمَّ يَظُرُوا فِي مَلَكُوتِ السَّمَاوَاتِ وَأَرْضٍ وَمَا خَلَقَ اللَّهُ مِنْ شَيْءٍ وَإِنْ يَكُونَ قَدِ افْتَرَبَ أَجْلُهُمْ فَإِنَّمَا يُحِبِّ حَدِيثَ بَعْدَهُ يُؤْمِنُونَ

Surah al-A`raf (7) : 185

Maksudnya:

Patutkah mereka (membutakan mata) tidak mahu memperhatikan alam langit dan bumi dan segala yang diciptakan oleh Allah, dan (memikirkan) bahawa harus telah dekat ajal kebinasaan mereka? maka kepada perkataan yang mana lagi sesudah (datangnya Al-Qur'an) itu mereka mahu beriman?

Manakala *al-i'jaz al-nafsiy* pula melibatkan elemen jiwa manusia. Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang menyentuh jiwa manusia. Justeru, Muhammad Qutb telah menyatakan bahawa al-Qur'an sarat dengan ayat-ayat yang menggambarkan tentang jiwa manusia dalam pelbagai sifat dan keadaan; seperti mukmin dan kafir, baik dan buruk, menerima hidayah dan menolak<sup>43</sup>, dan sebagainya.

Sheikh Fadl Hasan `Abbas ketika mengulas tentang *al-i'jaz al-nafsiy* telah menyatakan bahawa al-Qur'an datang untuk memberi tarbiah dan pendidikan kepada manusia secara lengkap dan syumul. Oleh itu, elemen *al-i'jaz al-nafsiy* dalam al-Qur'an ialah ayat-ayat yang membicarakan tentang keadaan dan perasaan manusia; iaitu sesuatu yang boleh menggembirakan mereka atau perkara yang menyedihkan hati mereka<sup>44</sup>.

Di samping menyeru manusia merenung terhadap kejadian alam, al-Qur'an juga mengajak manusia untuk melihat ke dalam diri dan jiwa masing-masing untuk mengambil iktibar. Firman Allah:

<sup>42</sup> Islam Web, <http://www.islamweb.net>, 9 Mac 2017

<sup>43</sup> Qutb, Muhammad (1993), *Dirasat fi al-Nafs al-Insaniyyah*, c.10. Beirut : Dar al-Shuruq, h. 215

<sup>44</sup> `Abbas, Fadl Hasan (2001), *op.cit*, h. 340-341.

وَنِيْ أَلْأَرْضِ عَائِدُ لِلْمُؤْمِنِينَ ۖ وَنِيْ أَنْفُسُكُمْۚ۝ أَفَلَا تُبْصِرُونَ

Surah al-Dhariyat (51) : 20-21

Maksudnya:

Dan pada bumi ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan dan kekuasaan Allah) bagi orang (yang muah mencapai pengetahuan) yang yakin, dan juga pada diri kamu sendiri. Maka mengapa kamu tidak muah melihat serta memikirkan (dalil-dalil dan bukti itu)?

## PERANAN I'JAZ TERHADAP PENGUKUHAN MESEJ DAKWAH

Dakwah dari sudut bahasa bermaksud mengajak. Manakala menurut istilah syarak pula, ia membawa beberapa pengertian mengikut pandangan yang telah dikemukakan oleh para ulama. Antaranya ialah: “Dakwah kepada Allah ialah mengajak untuk beriman kepadaNya, berdasarkan apa yang telah dibawa oleh RasulNya, iaitu dengan membenarkan apa yang dikhabarkan oleh mereka serta mentaatinya”.

Manakala Dr al-Sayyid Muhammad al-Wakil ketika mentakrifkan perkataan dakwah telah menyatakan bahawa “Dakwah kepada Allah ialah menghimpunkan manusia di atas kebaikan serta menunjukkan jalan kebenaran kepada mereka iaitu dengan melaksanakan *al-amr bi al-makruf wa al-nahy 'an al-munkar* (menyeru makruf dan mencegah munkar)<sup>45</sup>, berdasarkan firman Allah dalam surah Ali ‘Imran ayat 104 yang bermaksud: “*Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebijakan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya*”.

Syeikh Fathi Yakan pula telah menyatakan bahawa dakwah itu ialah meruntuhkan dan membina semula. Maksudnya ialah meruntuhkan segala bentuk jahiliah sama ada yang melibatkan pemikiran, akhlak, sistem dan sebagainya. Selepas itu dibina masyarakat Islam di atas dasar dan acuan Islam sama ada dari segi luaran mahupun dalaman, juga dalam sistem hukum dan cara hidup<sup>46</sup>.

Daripada definisi beberapa tokoh ulama Islam tersebut, dapat dibuat kesimpulan bahawa dakwah bukan sekadar bermaksud mengajak semata-mata, akan tetapi ia juga meliputi usaha membina dan membentuk masyarakat ke arah Islam dalam usaha merealisasikan pengabdian diri hanya kepada Allah SWT.

<sup>45</sup> Al-Sayyid Muhammad al-Wakil, *Usus al-Da'wah wa Adab al-Du'at* , hlm. 9

<sup>46</sup> Fathi Yakan, *al-Islam Fikrah-Harakah-Inqilab*: 39

Pengetahuan terhadap I'jaz al-Quran dapat membantu seseorang untuk memainkan peranan dalam dakwah dan mengajak manusia untuk mengenali Allah dan meyakini kebenaran al-Quran yang telah diturunkan oleh Allah dengan lebih efektif dan berkesan.

Dalam kajian ini, akan diketengahkan perbincangan tentang bagaimana dakwah dapat disampaikan dengan lebih berkesan apabila dapat mengetahui dan memahami beberapa kategori I'jaz al-Quran dengan baik. Analisis kualitatif dilakukan terhadap tiga kategori I'jaz iaitu *Bayaniy*, *Ilmiy* dan *Ghaybiy*.

## ANALISIS KATEGORI I'JAZ DALAM PENGUKUHAN MESEJ DAKWAH

### (a) *I'jaz Bayaniy*:

Melalui pendekatan i'jāz ini akan dapat dilihat kepada ketepatan dan ketelitian dalam pemilihan perkataan yang digunakan di dalam ayat al-Qur'ān . Sebagai contohnya ialah firman Allah:

﴿إِنَّ اللَّهَ لَا يَسْتَخِيءُ أَنْ يَضْرِبَ مَثَلًا مَا بَعْوَذَةً فَمَا فَوْقَهَا هُنَّا الْأَدِينَ عَامِنُوا فَيَعْلَمُونَ أَنَّهُ أَحْقُّ مِنْ رَبِّهِمْ بِمَا هُنَّا إِذَا كَفَرُوا فَيَقُولُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهِ مَثَلًا مُّثَلًا يُضَلِّلُ بِهِ كَثِيرًا وَيَهْدِي بِهِ كَثِيرًا وَمَا يُضَلِّلُ بِهِ إِلَّا الْقَسِّيْسُيْنَ﴾

Surah al-Baqarah (2) : 26

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah tidak malu membuat perbandingan apa sahaja, (seperti) nyamuk atau yang lebih kecil daripada itu (kerana perbuatan itu ada hikmahnya)

Antara elemen i'jāz yang dapat dikesan dalam ayat di atas adalah melalui penggunaan perkataan (بعوضة) secara *nakirah*. Penggunaan perkataan tersebut secara *nakirah* sudah tentu mempunyai matlamat dan tujuan yang perlu dikaji dan diperhalusi. *Nakirah* adalah kata nama umum bagi sesuatu<sup>47</sup>. Apatah lagi penggunaan huruf (م) yang datang selepas perkataan (بعوضة) . Terdapat pelbagai pendapat tentang apakah jenis (م) dalam ayat ini, namun pendapat yang rajih ialah (م) di sini ialah (الإبهامية)<sup>48</sup> .

Apabila (ما الإبهامية) datang sebelum atau selepas kata nama, maka ia akan memberikan makna yang lebih umum atau bersifat lebih umum daripada *nakirah*. Justeru, ayat al-Qur'ān dapat difahami dengan lebih jelas iaitu menunjukkan bahawa nyamuk itu terdiri daripada pelbagai jenis dan pelbagai saiz tanpa merujuk

<sup>47</sup> Fadl Hasan `Abbas (1987), *op.cit*, h. 329.

<sup>48</sup> al-Darwish, Muhyiddin (1994), *I'rāb al-Qur'ān al-Karim wa Bayanuh*, j. 1. Beirut: Dar Ibn Kathir, h. 68.

kepada mana-mana jenis nyamuk atau golongan nyamuk tertentu. Justeru, pemilihan perkataan yang teliti dalam ayat al-Qur'an menyerlahkan *i'jaz* yang terdapat di dalamnya.

Al-Qur'an juga telah menggunakan perkataan *al-ba`udah* dalam bentuk *muannath* (feminin) iaitu merujuk kepada nyamuk betina. Begitu juga penggunaan ganti nama (هـ) dalam ayat (فـما فـوقـهـا) yang digunakan bagi merujuk kepada *al-ba`udah* menunjukkan bahawa ia adalah *muannath*. Pemilihan perkataan ini sudah tentu mempunyai rahsianya tersendiri yang boleh dikaji dari sudut bahasa.

Kewujudan mikroorganisma dalam tubuh nyamuk yang menjadi penyebab kepada penyakit itu menyerlahkan lagi unsur *i'jaz* yang terdapat di dalam ayat 26 surah al-Baqarah ini. Perkataan (فـما فـوقـهـا) di dalam ayat tersebut memberi maksud 'sesuatu yang lebih kecil'<sup>49</sup>. Menurut al-Zamakhshariy<sup>50</sup>, maksud (فـما فـوقـهـا) merujuk kepada dua elemen iaitu kecil dari sudut makna dan kecil dari sudut saiz dan bentuk. Kecil dari sudut makna bererti bahawa nyamuk itu dianggap lebih hina penciptaannya, manakala kecil dari sudut saiz ialah nyamuk itu lebih kecil daripada labah-labah dan lalat. Untuk memahami dengan lebih jelas ialah melihat kepada hadith nabi SAW yang diriwayatkan oleh Imam Muslim<sup>51</sup>:

مـا مـنْ مـسـلـمـ يـشـاكـ شـوـكـةـ فـمـا فـوـقـهـا إـلـا كـثـيـرـ لـهـ بـهـ دـرـجـةـ وـمـحـيـثـ عـنـهـ بـهـ حـلـيـةـ

Maksudnya:

Tidaklah seorang mukmin tertusuk duri atau yang lebih kecil dari duri, melainkan ditetapkan baginya satu darjah dan dihapuskan darinya satu kesalahan.

Menurut al-Zamakhshariy, maksud (فـما فـوقـهـا) dalam hadith tersebut membawa dua makna iaitu lebih kecil dari sudut saiz duri, dan lebih kecil dari sudut makna iaitu dari sudut kesakitan yang ditanggung<sup>52</sup>.

Oleh yang demikian, maksud ayat al-Qur'an "...atau yang lebih kecil daripada itu..." boleh ditafsirkan sebagai unsur yang lebih kecil daripada nyamuk dari sudut saiz dan bentuknya. Sehubungan dengan itu, boleh dikatakan bahawa kewujudan mikroorganisma yang sangat kecil yang tidak dapat dilihat oleh mata kasar yang terdapat dalam tubuh badan nyamuk merupakan juga suatu perumpamaan yang telah diutarakan oleh Allah SWT bagi menggambarkan kekuasaan dan kehebatan Allah dalam mencipta sesuatu. Justeru, penciptaan nyamuk dan mikroorganisma yang kecil dan halus tidak boleh dipandang remeh oleh manusia, kerana kesannya sangat besar dalam kehidupan manusia.

<sup>49</sup> al-Sabuniy, Muhammad `Ali (t.t), j. 1, h. 44.

<sup>50</sup> al-Zamakhshariy (1995), j. 1, h. 120-121.

<sup>51</sup> Muslim Bin al-Hajjaj (t.t), *Sahih Muslim*, j. 4. Bab Thawab al-Mu'min fi ma yusibuhu min al-Marad , no hadith 2572. Beirut: Dar Ihya' Turath al-'Arabiyy, h. 1991.

<sup>52</sup> al-Zamakhshariy (1995), j. 1, h. 121.

Pengetahuan i'jaz bayaniy dalam al-Quran dapat membantu untuk menyampaikan dakwah dengan lebih berkesan dalam masyarakat iaitu penerimaan al-Quran sebagai sumber ilahi yang sesuai untuk menjadi sandaran dan rujukan pada sepanjang zaman. Hal ini kerana ia akan dapat membuktikan dengan jelas bahawa al-Quran merupakan kalam Allah yang bukannya diciptakan oleh manusia. Sehubungan dengan itu, ia menunjukkan kebenaran Islam yang perlu diterima oleh setiap manusia untuk kebaikan hidup di dunia dan di akhirat. Apabila seseorang itu menerima al-Quran sebagai sumber yang diyakini melalui pendekatan i'jaz bayaniy, maka dakwah semakin mudah dapat diterima.

#### **(b) *I'jaz Ilmiy***

Pendekatan dakwah akan dapat disampaikan dengan lebih berkesan melalui kefahaman terhadap mukjizat saintifik yang terdapat di dalam al-Quran. Apatah lagi, unsur pemikiran dan kajian melalui i'jāz 'ilmīy akan menyerlahkan lagi pemahaman terhadap ayat-ayat al-Qur'an tersebut.

Sebagai contohnya ialah ayat 26 surah al-Baqarah telah membincangkan tentang nyamuk betina bukannya nyamuk jantan. Hal ini kerana hanya nyamuk betina sahaja yang menghisap darah sama ada darah haiwan atau manusia. Nyamuk betina menghisap darah kerana ia memerlukannya untuk proses perkembangan telur. Manakala nyamuk jantan tidak menghisap darah, tetapi memakan cairan tumbuhan iaitu manisan bunga atau cairan buah yang membusuk<sup>53</sup>. Justeru, daripada ayat al-Quran, Allah SWT telah membuat suatu perumpamaan kepada manusia mengenai nyamuk betina yang banyak mempengaruhi kehidupan manusia itu sendiri.

Walaupun golongan musyrikin memandang sinis terhadap 'haiwan kecil' yang disebut oleh Allah SWT di dalam al-Qur'an, namun kajian sains pada hari ini mendapati bahawa penciptaan 'haiwan kecil' seumpama nyamuk sebenarnya menunjukkan kehebatan Allah SWT dalam penciptaan. Sebagai contohnya ialah nyamuk yang kecil itu mempunyai sistem radar yang hebat, oleh itu, walau dalam keadaan malam yang gelap sekalipun, ia tetap berupaya menuju secara tepat ke sasarannya iaitu kepada manusia yang sedang tidur<sup>54</sup>.

Bukan sekadar itu, bahkan nyamuk mampu menganalisis darah yang dihisapnya daripada manusia, lalu ia hanya akan menghisap darah yang disukainya sahaja, dan sekiranya ia tidak menyukai darah yang ada pada mana-mana manusia yang dihinggapinya, ia akan meninggalkan orang itu dan mencari mangsa yang lain<sup>55</sup>. Sehubungan dengan itu, banyak kajian yang telah dibuat mengenai nyamuk dan banyak juga

<sup>53</sup> Mohamed Salleh (1997), *Rahsia Pengungkapan Serangga Dalam al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 12.

<sup>54</sup> Yusuf al-Haj Ahmad, (2003), *Mawsu`ah al-Ijāz al-'Ilmiy fi al-Qur'an al-Karim wa al-Sunnah al-Mutahharah*, Damsyik: Maktabah Ibn Hajar, h. 510.

<sup>55</sup> Ibid, h. 511.

penemuan-penemuan yang amat bermanfaat dapat dihasilkan. Melalui haiwan sekecil nyamuk inilah, Sir Ronald Ross (1857-1932) memperoleh anugerah Nobel. Beliau memperoleh anugerah nobel dalam bidang fisiologi dan perubatan pada tahun 1902. Anugerah ini telah diberikan kepada beliau hasil kajian yang beliau lakukan terhadap penyakit malaria yang mengorbankan ramai nyawa manusia. Beliau membuat kajian tentang malaria selama lebih kurang 18 tahun iaitu dari tahun 1881 sehingga 1899. Beliau telah berjaya membuktikan bahawa penyakit malaria dibawa oleh sejenis nyamuk yang dikenali sebagai nyamuk *Anopheles*<sup>56</sup>.

Daripada penemuan ini, memberikan gambaran jelas betapa sesuatu yang didatangkan oleh Allah SWT di dalam al-Qur'an bukanlah sesuatu yang sia-sia dan remeh walaupun ianya kelihatan remeh dan kecil di sisi orang yang tidak beriman kepada Allah SWT. Maka dengan sebab itulah Allah menyatakan dalam ayat 26 surah al-Baqarah yang bermaksud: *Iaitu kalau orang yang beriman maka mereka akan mengetahui bahawa perbandingan itu benar dari Tuhan mereka; dan kalau orang kafir pula maka mereka akan berkata: "Apakah maksud Allah membuat perbandingan dengan ini?" (Jawabnya): Allah akan menjadikan banyak orang sesat dengan sebab perbandingan itu, dan akan menjadikan banyak orang mendapat petunjuk dengan sebabnya; dan Allah tidak akan menjadikan sesat dengan sebab perbandingan itu melainkan orang yang fasik.*

Nyamuk sentiasa dikaitkan dengan kesihatan manusia. Manusia mendapat pelbagai penyakit menerusi nyamuk sama ada demam denggi, malaria dan sebagainya. Namun begitu, secara realitinya nyamuk bukanlah penyebab kepada penyakit manusia kerana jumlah darah yang dihisap oleh nyamuk amat sedikit dan ia tidak mampu untuk menjelaskan kesihatan seseorang. Kesan gigitan nyamuk hanya bersifat alah kepada manusia seperti gatal, bengkak merah pada tubuh dan sebagainya.

Akan tetapi, sesuatu yang bahaya daripada nyamuk ialah ia adalah vektor atau pembawa mikroorganisma atau parasit yang menjadi punca kepada berlakunya sesuatu penyakit. Pertalian antara mikroorganisma dengan nyamuk dicerminkan oleh kesesuaian hidup mikroorganisma dalam tubuh nyamuk. Sebagai contohnya ialah mikroorganisma atau parasit malaria (*plasmodium falcifarum*) hidup di dalam tubuh nyamuk, menjalani perkembangan dan pembiakan di dalam usus dan dinding usus, seterusnya di dalam kelenjar air liur, sebelum disuntik atau dipindahkan kepada manusia yang menjadi mangsanya<sup>57</sup>.

Selain itu, menurut Abdul Rahman Bafadal ahli biologi dari Universiti Padjadjaran, terdapat banyak jenis serangga yang lebih kecil daripada nyamuk yang masing-masing mempunyai keunikannya yang tersendiri. Sebagai contohnya ialah sejenis kutu berukuran 0.7 mm yang disebut sebagai *Laccifer lacca Ker* dari keluarga *Coccoidae*. Serangga ini hidup menumpang di pohon-pohon tertentu dan menghasilkan sarang

<sup>56</sup> Wikipedia The Free Encyclopedia, [http://en.wikipedia.org/wiki/Ronald\\_Ross](http://en.wikipedia.org/wiki/Ronald_Ross), 2/3/2017

<sup>57</sup> *Ibid*, h. 14.

yang dibuat dari peluhnya sendiri. Daripada sarang tersebut terhasillah *shellac* yang digunakan untuk membuat pelapis tablet ubat, pelapis coklat, bahan pewarna kuku, pelapis komponen elektronik dan sebagainya<sup>58</sup>.

Penciptaan mikroskop yang digunakan untuk melihat mikroorganisma telah dapat membantu manusia mencungkil dan memahami maksud ayat-ayat al-Qur'an. Hal ini sekaligus telah membuktikan unsur *al-i'jaz* yang terdapat di dalam ayat 26 surah al-Baqarah. Kemajuan sains dan teknologi telah membantu manusia untuk membuat kajian yang mendalam terhadap sesuatu perkara yang tidak diketahui pada zaman dahulu. Ia sekaligus dapat membuktikan kehebatan dan mukjizat al-Qur'an yang mempunyai fakta yang tidak pernah bercanggah dan sesuai digunakan di sepanjang zaman. Hal ini juga menunjukkan betapa al-Qur'an itu merupakan kalam Allah dan bukannya ciptaan manusia. Pendekatan dakwah yang menggunakan elemen saintifik menerusi *i'jaz ilmiy* akan dapat memperkuatkan usaha dakwah yang dilakukan kerana masyarakat hari ini begitu teruja dengan fakta-fakta saintifik. Justeru, mereka akan lebih teruja apabila dihidangkan kepada mereka pendekatan al-Quran yang telah membicarakan elemen saintifik sejak 14 kurun yang lampau.

Firman Allah SWT:

أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْءَانَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوْجَدُوا فِيهِ أُخْتِلَافًا كَثِيرًا

Surah al-Nisa' (4) : 82

Maksudnya:

Patutkah mereka (bersikap demikian), tidak mahu memikirkan isi kandungan al-Qur'an? Kalau al-Qur'an itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapati perselisihan (percanggahan) yang banyak di dalamnya.

### (c) *I'jaz Ghaybiy*

Dakwah juga dapat disampaikan dengan lebih efektif melalui pengetahuan dan pemahaman terhadap *i'jaz ghaybiy* di dalam al-Quran. Antara contoh *al-i'jaz al-ghaibiy* ialah perkhabaran al-Qur'an mengenai kemenangan Rom ke atas Parsi dalam waktu beberapa tahun (tidak sampai sepuluh tahun). Firman Allah SWT:

عَلَيْكُمْ (٢) فِي أَذْنِ الْأَرْضِ وَهُمْ مِنْ بَعْدِ عَلَيْهِمْ سَيِّئَاتُهُنَّ (٣) فِي بَصْرَهُ سَيِّئَاتٍ لِلَّهِ الْأَمْرُ مِنْ قَبْلِ وَمِنْ بَعْدٍ وَبِيَوْمٍ يُنْذَلِّ يَقْرُئُ الْمُؤْمِنُونَ (٤)

Surah al-Rum (30) : 2-4

---

<sup>58</sup> H. Bambang Pranggono (2008), *Mukjizat Sains Dalam al-Quran*, c.5. Bandung: Ide Islami, h. 70-71.

Maksudnya:

Orang Rom telah dikalahkan, di negeri yang dekat sekali; dan mereka sesudah kekalahannya itu akan mengalahkan lawannya, dalam masa tidak sampai sepuluh tahun.

Perkhabaran al-Qur'an ini menjadi kenyataan apabila Rom dapat menewaskan Parsi selepas tujuh tahun berlalu daripada penurunan ayat al-Qur'an ini<sup>59</sup>. Hal ini sekaligus menunjukkan tentang kebenaran al-Quran yang berjaya membuktikan tentang kebenaran perkhabaran pada masa akan datang. Pemahaman terhadap isu ini akan dapat membantu dan mengukuhkan pendekatan dakwah dalam masyarakat terutama yang berkaitan dengan keimanan dalam perkara ghaib seperti dosa, pahala, syurga dan neraka yang semuanya telah dinyatakan oleh Allah SWT di dalam al-Quran.

## KESIMPULAN

Ilmu mengenai i'jaz al-Quran perlu difahami dengan baik kerana ia sangat penting untuk dijadikan medium memperkasakan dan mengukuhkan pengisian dakwah serta dapat meningkatkan keberkesanan dalam penyampaian dan penerimaan mesej dakwah dalam masyarakat. Apatah lagi, kepentingan menyampaikan dakwah adalah sesuatu yang tidak boleh disangkal.

Dakwah merupakan suatu tanggungjawab yang diwajibkan kepada umat Islam dan ia merupakan antara syiar agama yang paling utama. Oleh yang demikian, Allah SWT berfirman dalam surah Ali `Imran ayat 104 bermaksud: *Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.*

---

<sup>59</sup> al-Khalidiy (1992), h. 254

Untuk memastikan dakwah dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan, perlulah didasari dengan ilmu pengetahuan terutamanya ilmu yang disampaikan oleh Allah SWT di dalam al-Quran. Justeru, pengetahuan dan kefahaman dalam i'jaz al-Quran dapat membantu dalam penyampaian dakwah dengan lebih baik dan efektif .

## BIBLIOGRAFI

- `Abbas, Fadl Hasan (2001), *Ijāz al-Qur'ān al-Karim*. Amman: Dar al-Furqan,
- Abu al-Baqā' (1998), *al-Kulliyat*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-'Umari, Khalid `Ali Hasan, (1999), *Ijāz al-Qur'ān al-Ta*. Tesis M.A Universiti Alil Bayt, Jordan.
- al-Butiy, Muhammad Sa`id (1996), *Min Rawa'i` al-Qur'ān*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- al-Darwish, Muhyiddin (1994), *I'rāb al-Qur'ān al-Karim wa Bayanuh*, j. 1. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- al-Fayruzabadiy (1991), *al-Qamus al-Muhit*, j. 2. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- al-Hanawiy (1984), *Dirasat Hawla al-Ijāz al-Bayaniy fi al-Qur'ān*. Kaherah: Dar al-Tiba`ah al-Muhammadiyyah.
- al-Jurjaniy (1987), *al-Ta`rifat*. Beirut: `Alam al-Kutub.
- al-Khalidiy, Salah `Abd al-Fattah (1992), *al-Bayan fi Ijāz al-Qur'ān*, c. 3. Jordan : Dar `Ammar..
- al-Khalidiy, Salah `Abd al-Fattah (2000), *Ijaz al-Qur'an al-Bayaniy wa Dalail Masdarīhi al-Rabbāniy*, Jordan: Dar `Ammar.
- al-Malikiy, Sayyid Muhammad `Alwi (2010), *Keistimewaan-Keistimewaan al-Qur'ān* , Nur Faizin, S. Ag (terj.). Indonesia : Pustaka Yogyakarta.
- al-Nadwi, Abu al-Hasan (1986), *al-Madkhal ila al-Dirasat al-Qur'āniyyah*. Beirut: Dar al-Sahwah.
- al-Raghib al-Asfahaniy (1992), *Mufradat Alfaz al-Qur'ān*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- al-Suyutiyy (t.t), *al-Itqan fi `Ulum al-Qur'ān*, j. 2. Kaherah: Maktabah wa Matba`ah al-Mashhad al-Husayniy.
- al-Zamakhshariy (1992), *Asas al-Balaghah*. Beirut : Dar al-Nafa'is.
- Carlyle, T. (1971). *On Heroes, Hero-Worship and The Heroic in History*. Lincoln, Nebraska: University of Nebraska Press
- Fathi Ridwan (t.t), *Min Falsafah al-Tashri` al-Islamiy*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- H. Bambang Pranggono (2008), *Mukjizat Sains Dalam al-Quran*, c.5. Bandung: Ide Islami.

- Ibn Faris (1979), *Mu`jam Maqayis al-Lughah*. Beirut: Dar al-Fikr..
- Ibn Khaldun, `Abd al-Rahman Bin Muhammad (1995), *Muqaddimah Ibn Khaldun*. Beirut: Maktabah al-`Asriyyah.
- Ibn Manzur (1996), *Lisan al-`Arab*, j. 9. Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Mahmud Sayid `Ali Shaqir (1988), *Ma`a al-Amthāl al-Qur'āniyyah*. Kaherah: al-Muassasah al-`Arabiyyah al-Hadithah.
- Mohamed Salleh (1997), *Rahsia Pengungkapan Serangga Dalam al-Qur'ān*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Muslim Bin al-Hajjaj (t.t), *Sahih Muslim*, j. 4. Bab Thawab al-Mu'min fi ma yusibuhu min al-Marad , no hadith 2572. Beirut: Dar Ihya' Turath al-`Arabiyy.
- Mustafa Muslim (2005), *Mabahith fī Ijāz al-Qur'ān*. Damsyik : Dar al-Qalam.
- Nicholson R. A. (1969). *A Literary History of the Arabs*. London: Cambridge University Press
- Qutb, Muhammad (1993), *Dirasat fī al-Nafs al-Insaniyyah*, c.10. Beirut : Dar al-Shuruq.
- Yusuf al-Haj Ahmad, (2003), *Mawsu`ah al-Ijāz al-`Ilmiy fī al-Qur'ān al-Karim wa al-Sunnah al-Mutahharah*, Damsyik: Maktabah Ibn Hajar.